

KENYATAAN MEDIA

DASAR BAHARU AP TERBUKA

1. Pada 23 Disember 2015, Kerajaan telah mengumumkan untuk meneruskan pelaksanaan dasar AP Terbuka dengan beberapa penambahbaikan mulai awal tahun 2017. Dasar baharu ini merangkumi syarat-syarat kelayakan memohon, syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebagai syarikat AP Terbuka, prosedur permohonan dan tindakan ke atas syarikat yang melanggar syarat.

2. Antara syarat kelayakan untuk memohon menjadi syarikat AP Terbuka adalah seperti berikut:

- i. Syarikat Sdn. Bhd. yang berstatus 100% Bumiputera. Syarikat pemegang AP Terbuka sedia ada perlu memohon semula sebagai syarikat AP Terbuka;
- ii. Syarikat yang mempunyai pengalaman dan sedang beroperasi dalam bidang penjualan dan pengedaran kenderaan (kereta, motosikal dan kenderaan perdagangan) minimum 2 tahun;
- iii. Syarikat yang telah sedia ada memiliki kemudahan ruang pejabat dan bilik pameran yang bersesuaian; dan
- iv. Syarikat yang mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk menjalankan perniagaan pengimportan, pengedaran dan penjualan kenderaan yang diimport melalui AP Terbuka.

3. Permohonan untuk menjadi syarikat yang layak diberi AP Terbuka bagi tahun 2017 akan dibuka mulai 23 Mei 2016 hingga 21 Jun 2016. Borang permohonan rasmi dan dokumen sokongan yang lengkap diterima dalam tempoh ini akan dinilai dari segi kelayakan melalui proses pengauditan oleh juru audit bertauliah bebas. Sebarang permohonan yang dikemukakan di luar tempoh ini tidak akan dipertimbangkan. Bagaimanapun, pemohon yang masih berminat boleh memohon menjadi syarikat AP Terbuka apabila permohonan dibuka semula pada tahun berikutnya.

4. Butiran lanjut mengenai dasar baharu AP Terbuka dan borang permohonan berkaitan boleh didapati di www.miti.gov.my.